

15 APR 2002

Mahathir-Berlepas/I

PERDANA MENTERI BERLEPAS BAGI LAWATAN KE MAHGRIPI, LIBYA DAN BAHRAIN

SEPANG, 15 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertolak hari ini untuk lawatan kerja seminggu ke Mahgribi, Libya dan Bahrain dengan diiringi delegasi 160-orang.

Dr Mahathir dan rombongan akan berada di Mahgribi dari 15 hingga 18 April dan di Libya dari 18 hingga 20 April sebelum menamatkan rangka lawatan di Bahrain dari 20 dan 21 April.

Semasa lawatan itu, Perdana Menteri akan adakan pertemuan-pertemuan dua hala, dialog dan berucap di majlis makan tengah hari.

Turut serta dalam rombongan ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Nazri Abdul Aziz dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Pengerusi Bank Arab-Malaysian Bank Bhd Tan Sri Azman Hashim mengetuai delegasi 64 ahli perniagaan dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan juga turut serta dalam delegasi itu.

Lawatan itu dianggap penting dalam memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan tiga negara itu.

Semasa lawatan itu Dr Mahathir dijangka menekankan cara-cara meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan, dengan buat masa ini terdapat jurang luas yang boleh dirapatkan antara Malaysia dan tiga negara Islam itu.

Bidang-bidang penting lain yang dijangka dibincangkan semasa pertemuan Dr Mahathir dengan ketua-ketua kerajaan akan bertumpu pada isu keganasan dan konflik Israel-Palestin sekarang ini.

Kemuncak lawatan beliau ke Libya ialah pertemuan dengan pemimpin Libya, Muammar Gaddafi pada Khamis.

Dr Mahathir akan bertemu Gaddafi di bumi Libya buat pertama kali. Dua pemimpin itu sebelum ini pernah bertemu di luar sesi Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam.

Sementara berada di Magribi, Dr Mahathir akan menghadap Raja Mohammed VI yang dilantik sebagai ketua negara dua tahun lepas selepas kemangkatan ayahandanya.

Beliau juga akan menemui rakan sejawatannya di Mahgribi, Abderrahmane Youssouffi dan akan bertemu dengan para penuntut Malaysia di situ.

Semasa berada di Bahrain, Perdana Menteri akan melakukan majlis pecah tanah bagi Pusat Pameran dan Perdagangan Malaysia di Manama.

Ia akan menjadi pusat Malaysia di Asia Barat selepas Dubai di Emiriyah Arab Bersatu.

Dr Mahathir juga akan bertemu dengan rakan sejawatannya di Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa.

-- BERNAMA

SR MFJ PR